



MAJLIS PERBANDARAN BENTONG

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN
LESEN MEMBUKA TEMPAT
HIBURAN DAN LESEN AKTIVITI
HIBURAN**

**TARIKH KUATKUASA GARIS PANDUAN
1 JANUARI 2023**

1. JENIS PELESENAN

- a) Lesen Membuka Tempat Hiburan
- b) Lesen Aktiviti Hiburan

2. NAMA AGENSI PIHAK BERKUASA MELESEN

Majlis Perbandaran Bentong, Jabatan Kesihatan Awam dan Perkhidmatan Perbandaran.

3. PUNCA KUASA/ASAS PERUNDANGAN PENGELUARAN PELESENAN

- a) Enakmen Hiburan 1993
- a) Kaedah Hiburan 1996

4. OBJEKTIF PELESENAN

- a) Memastikan semua premis yang menjalankan tempat hiburan dan aktiviti hiburan dilesenkan;
- b) Memastikan premis hiburan yang dilesenkan mematuhi syarat-syarat lesen yang ditetapkan; dan
- c) Memastikan pengeluaran lesen tempat hiburan dan lesen aktiviti hiburan terkawal.

5. KETERANGAN PELESENAN APA YANG DILESENKAN

Mana-mana premis yang membuka tempat hiburan dan menjalankan aktiviti hiburan.

6. SIAPA YANG BOLEH MEMOHON/KELAYAKAN PEMOHON

Mana-mana individu atau syarikat yang mengusahakan tempat hiburan dan aktiviti hiburan.

7. BILA PERLU DIMOHON

Sebelum membuka tempat hiburan dan menjalankan aktiviti hiburan

8. KAEDAH PERMOHONAN (DALAM TALIAN ATAU MANUAL)

JENIS PERKHIDMATAN	KETERANGAN						
DALAM TALIAN	<p>-Tiada- (Borang perkhidmatan boleh didapati dan dimuat turun melalui laman sesawang Majlis Perbandaran Bentong) https://www.mpbentong.gov.my/ Pautan Borang: https://www.mpbentong.gov.my/ms/mpb/sumber/muat-turun-borang/jabatan-kesihatan-awam-dan-perhidmatan-perbandaran</p>						
MANUAL	<p>Pemohon perlu mengisi borang permohonan borang A (Kaedah 3) enakmen hiburan 1993 kaedah-kaedah hiburan 1996 dan borang B (Kaedah 6)</p> <p style="text-align: center;">Waktu Operasi:</p> <table border="1" data-bbox="608 1070 1522 1379"> <thead> <tr> <th data-bbox="608 1070 1066 1111">ISNIN – KHAMIS</th> <th data-bbox="1066 1070 1522 1111">JUMAAT</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="608 1111 1066 1189">8.00 Pagi - 1.00 Tengah Hari 2.00 Petang - 5.00 Petang</td> <td data-bbox="1066 1111 1522 1189">8.00 Pagi - 12.15 Tengah Hari 2.45 Petang - 5.00 Petang</td> </tr> <tr> <td data-bbox="608 1189 1066 1379">1.00 Tengah Hari - 2.00 Petang (Waktu Rehat)</td> <td data-bbox="1066 1189 1522 1379">12.15 Tengah Hari - 2.45 Petang (Waktu Rehat)</td> </tr> </tbody> </table>	ISNIN – KHAMIS	JUMAAT	8.00 Pagi - 1.00 Tengah Hari 2.00 Petang - 5.00 Petang	8.00 Pagi - 12.15 Tengah Hari 2.45 Petang - 5.00 Petang	1.00 Tengah Hari - 2.00 Petang (Waktu Rehat)	12.15 Tengah Hari - 2.45 Petang (Waktu Rehat)
ISNIN – KHAMIS	JUMAAT						
8.00 Pagi - 1.00 Tengah Hari 2.00 Petang - 5.00 Petang	8.00 Pagi - 12.15 Tengah Hari 2.45 Petang - 5.00 Petang						
1.00 Tengah Hari - 2.00 Petang (Waktu Rehat)	12.15 Tengah Hari - 2.45 Petang (Waktu Rehat)						

9. PIAGAM PELANGGAN

Mengeluarkan kelulusan permohonan lesen hiburan yang telah lengkap dalam tempoh sembilan puluh (90) hari bekerja.

10. SYARAT-SYARAT SEBELUM DAN SELEPAS PERMOHONAN

SYARAT SEBELUM PERMOHONAN

- (i)(a) Memorandum dan Artikel Persatuan, dan Borang 49 (penyata yang memberikan butir-butir dalam Daftar Pengarah, Pengurus dan Perubahan Butiran) mengikut Akta Syarikat 1965.

- (b) Borang A (Pendaftaran Perniagaan) atau Borang B (Pendaftaran Pertukaran Perniagaan) dan Borang D (Akan Pendaftaran Perniagaan) mengikut Akta Pendaftaran Perniagaan 1956.
- (ii) 5 Salinan pelan lantai dan lokasi premis.
- (iii) Surat persetujuan/pengesahan daripada pemunya tanah atau bangunan itu.
- (iv) 1 salinan kad pengenalan.
- (v) 2 keping gambar premis (1 keping gambar yang diambil dari luar dan 1 keping gambar yang diambil dari dalam).
- (vi) 2 keping gambar pemohon.

SYARAT SELEPAS PERMOHONAN

“tempat hiburan” mempunyai erti yang sama dengan yang diberi kepadanya dalam seksyen 2 Enakmen.

1. Tiap-tiap permohonan mendapatkan lesen untuk membuka tempat hiburan dan lesen hiburan di bawah Kaedah-Kaedah ini hendaklah dibuat dalam Borang A Pertama dan hendaklah disertakan dengan:
 - a) Butir-butir mengenai orang-orang yang berkenaan dalam penganjuran hiburan itu dan kepentingan-kepentingan yang diwakili oleh orang-orang itu;
 - b) Butir-butir mengenai orang-orang yang telah diundang untuk atau telah bersetuju untuk mengambil bahagian dalam hiburan itu, dan kepentingan-kepentingan yang diwakili oleh orang-orang itu;
 - c) Maksud yang kepadanya apa-apa keuntungan daripada hiburan itu cadangkan hendak digunakan;
 - d) Skrip lakonan itu; dan
 - e) Jika apa-apa struktur sementara dikehendaki bagi maksud hiburan itu, pelan struktur itu, kelulusan daripada pihak berkuasa relevan yang meluluskan pelan struktur itu, dan perakuan daripada jurutera awam atau kejurutera struktur yang memperakui bahawa struktur itu akan berada dalam keadaan baik bagi tempoh selama hiburan itu hendak diadakan.
2. Majlis Perbandaran Bentong boleh, menurut budi bicaranya, menolak sesuatu permohonan mendapatkan lesen untuk membuka tempat hiburan atau lesen hiburan atau pembaharuan mana-mana lesen itu atau kesemuanya atas apa-apa jua sebab tetapi khususnya jika Majlis Perbandaran Bentong itu berpuas hati:

- a) Bahawa tempat hiburan itu mungkin membawa kepada pecah keamanan atau menyebabkan halangan, kekusaran atau bencana kepada penduduk-penduduk kawasan tempat itu; atau
 - b) Bahawa sesuatu hiburan mungkin dari jenis membahayakan nyawa manusia; atau
 - c) Bahawa hiburan itu adalah atau mungkin dengan apa-apa cara memudaratkan kepentingan negara.
3. Seseorang yang menyediakan hiburan di suatu tempat yang telah dilesenkan oleh sesuatu Majlis Perbandaran Bentong di bawah Undang-Undang Kecil Pelesenan Establisymen Makanan Majlis Perbandaran Bentong yang berkenaan tidak perlu memohon lesen untuk membuka tempat hiburan tetapi dia hendaklah mendapatkan lesen hiburan.
4. Jika permohonan mendapatkan lesen untuk membuka tempat hiburan atau lesen hiburan atau pembaharuan apa-apa lesen diluluskan, maka suatu lesen dalam Borang B Jadual Pertama hendaklah dikeluarkan semasa pembayaran:
- a) Fi bagi lesen itu: dan
 - b) Sejumlah wang yang boleh ditentukan oleh Majlis Perbandaran Bentong sebagai jaminan untuk memastikan pematuhan syarat-syarat atau sekatan-sekatan lesen peruntukan-peruntukan Enakmen atau kaedah-kaedah yang dibuat dibawahnya.
5. Sesuatu lesen yang dikeluarkan dibawah Kaedah-Kaedah ini adalah sah bagi tempoh tidak melebihi tiga tahun.
6. Tertakluk kepada peruntukkan seksyen 9 Enakmen, sesuatu permohonan memperbaharui lesen hendaklah dibuat dalam Borang C Jadual Pertama.
7. (1) Fi yang kena dibayar bagi sesuatu lesen untuk membuka tempat hiburan adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.
- (2) Fi yang kena dibayar bagi sesuatu lesen berkenaan dengan sesuatu hiburan adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.
8. (1) Hiburan atau kelas hiburan yang dinyatakan dalam Jadual Keempat adalah dikecualikan daripada pembayaran fi lesen hiburan dan daripada pembayaran jaminan berkenaan dengan lesen itu.
- (2) Mana-mana orang boleh memohon kepada Majlis Perbandaran Bentong bagi pengecualian daripada pembayaran fi lesen untuk membuka tempat hiburan dan daripada pembayaran jaminan berkenaan dengan lesen itu jika hiburan itu ada dinyatakan dalam Jadual Keempat.

- (3) Setelah menimbangkan sesuatu permohonan yang dibuat di bawah subkaedah (2), Majlis Perbandaran Bentong boleh, mengikut budi bicaranya, memberikan pengecualian daripada pembayaran fi lesen untuk membuka tempat hiburan atau daripada pembayaran jaminan berkenaan dengan lesen itu atau daripada pembayaran fi lesen dan jaminan itu.
9. Harga tiket masuk ke sesuatu tempat hiburan hendaklah ditetapkan setelah mendapat persetujuan terlebih dahulu daripada Majlis Perbandaran Bentong.
 10. Tanpa menjejaskan Majlis Perbandaran Bentong mengenakan apa-apa syarat lain dibawah seksyen 5 Enakmen, Majlis Perbandaran Bentong boleh mengenakan syarat kepada pemegang lesen tempat hiburan supaya mengadakan dan mengawal tempat letak kereta yang sesuai di sekitar tempat hiburan.
 11. Majlis Perbandaran Bentong boleh jika difikirkannya perlu, menghendaki pemegang lesen tempat hiburan mengambil perlindungan insurans bagi menjamin keselamatan orang ramai yang masuk ke tempat hiburan itu.
 12. Seseorang pemegang lesen tempat hiburan hendaklah, pada setiap masa, menjaga kebersihan tempat hiburannya dengan memuaskannya hati Majlis Perbandaran Bentong.
 13. Seseorang pemegang lesen tempat hiburan hendaklah mengawasi paras bunyi yang disebabkan oleh hiburan yang disediakan di dalam tempat hiburannya dan memastikan bahawa bunyi demikian tidak mewujudkan sesuatu kacau-ganggu.
 14. (1) Seseorang pemegang lesen tempat hiburan hendaklah memastikan bahawa:
 - a) Terdapat kemudahan tandas yang berasingan bagi lelaki dan perempuan dan bahawa kemudahan tandas itu disenggara dalam keadaan baik dan dalam keadaan bersih pada setiap masa;
 - b) Tiap-tiap tandas dilengkapi dengan pili, baldi dan hos untuk memudahkan bersuci;
 - c) Tiap-tiap tandas hendaklah, pada setiap masa, dilengkapi dengan kertas tandas, sabun atau bahan pencuci, tong sampah, dan pengering elektrik atau tuala bersih atau kertas tisu;
 - d) Jika pencahayaan asli tidak mencukupi, maka pencahayaan buatan disediakan di dalam tiap-tiap tandas pada setiap masa; dan
 - e) Bekalan air hendaklah ada pada setiap masa

Dengan syarat bahawa jika sesuatu hiburan itu diadakan di luar bangunan, maka pemegang lesen tempat hiburan hendaklah menyediakan apa-apa kemudahan tandas sebagaimana yang boleh dinyatakan dalam lesen.

(2) Subkaedah (1) tidaklah terpakai bagi pemegang lesen tempat hiburan yang tempat hiburannya terletak dalam bangunan yang kemudahan tandas telah disediakan.

15. Seseorang pemegang lesen tempat hiburan hendaklah menyediakan di tempat hiburan itu suatu kotak pertolongan cemas yang sesuai yang mengandungi pembalut dan alat-alat pertolongan cemas yang dinyatakan di bawah ini yang hendaklah, pada setiap masa, disenggara dalam keadaan baik.

- a) Enam pembalut yang disteril, setiap satu berukuran tidak kurang daripada 7.6 sm. X 7.6 sm. Bagi luka dan luka terbakar.
- b) Satu gulung kapas yang disteril tidak kurang daripada 300 gm.
- c) Dua gulung kain pembalut, setiap satu berukuran tidak kurang daripada 7.6 sm. X 5.5 sm.
- d) Tiga helai kain pembalut berbentuk segitiga.
- e) Satu gulung pengikat pembedahan berukuran 2.54 sm. X 2.74 sm.
- f) Satu pasang gunting keluli tahan karat.
- g) Satu kotak pin keselamatan, dan
- h) Satu tiub krim antiseptic.

16. Seseorang pemegang lesen tempat hiburan hendaklah memastikan bahawa:

- a) Pembinaan premis, susunan tempat duduk, keperluan-keperluan pasukan bomba, dan pemasangan pencahayaan, elektrik, gantian-udara dan mekanikal adalah mengikut undang-undang yang berhubungan dengannya;
- b) Semua alat pemadam api disenggara dengan wajar dan dalam keadaan boleh digunakan dengan baik, dan
- c) Semua tangga, laluan, pelantar dan jalan keluar adalah bebas daripada halangan, dan semua pintu keluar adalah sentiasa tidak ditutup pada setiap masa semasa waktu pengendalian.

17. Seseorang pemegang lesen tempat hiburan hendaklah mengambil langkah untuk memastikan bahawa terdapatnya gantian-udara yang secukupnya di tempat hiburan dan bahawa cara gantian-udara itu dijaga dalam keadaan boleh digunakan dengan baik pada setiap masa.


18. Tiada warung, gerai atau struktur lain boleh dibina di dalam tempat hiburan melainkan dibenarkan dan diluluskan oleh Majlis Perbandaran Bentong.

19. Tiada warung, gerai atau struktur yang terletak dalam sesuatu tempat hiburan boleh digunakan bagi apa-apa tred, perniagaan, atau hiburan, atau sebagai establisymen makanan, tanpa sesuatu lesen yang dikeluarkan di bawah undang-undang yang berhubungan dengan tred, perniagaan, hiburan atau establisymen makanan itu.
20. Tiada hiburan selain daripada yang dinyatakan dalam lesen hiburan boleh dibenarkan dalam tempat hiburan.
21. Bilangan mesin bagi apa-apa permainan yang dibenarkan dalam tempat hiburan tidak boleh melebihi bilangan yang dinyatakan dalam lesen.
22. Seseorang pemegang lesen tempat hiburan tidak boleh membenarkan lebih daripada bilangan orang yang dinyatakan dalam lesen untuk memasuki atau berada di dalam sesuatu tempat hiburan.
23. Tiada hiburan yang lucah boleh dibenarkan di dalam mana-mana tempat hiburan.
24. Seseorang pemegang lesen tempat hiburan hendaklah memastikan bahawa pelaku-pelaku dalam sesuatu hiburan yang diadakan di tempat hiburannya berpakaian sopan.
25. Tiada orang yang mabuk boleh dibenarkan memasuki atau berada di dalam mana-mana tempat hiburan.
26. Seseorang pemegang lesen tempat hiburan hendaklah memastikan bahawa tiada pertaruhan, loteri atau perjudian sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953 atau Ordinan Pertaruhan 1953 dijalankan dalam sesuatu tempat hiburan.
27. Tiada radas yang berupaya membuat pelarasan boleh digunakan dalam apa-apa permainan untuk mengubah peluang seorang pemain daripada mencapai tujuannya.
28. Seseorang pemegang lesen tempat hiburan hendaklah hanya mengendalikan sesuatu tempat hiburan dalam tempoh masa yang dinyatakan oleh Majlis Perbandaran Bentong dalam lesen.
29. Seseorang pemegang lesen tempat hiburan hendaklah memastikan bahawa tiada bir atau minuman yang memabukkan dihidangkan atau diminum di dalam sesuatu tempat hiburan melainkan suatu lesen minuman keras telah dikeluarkan kepadanya oleh Lembaga Pelesenan yang ditubuhkan di bawah *Akta 176. Akta Eksais 1976*.

30. (1) Majlis Perbandaran Bentong boleh, mengikut budi bicaranya, menyatakan dalam lesen umur minimum orang-orang yang boleh melangani sesuatu tempat hiburan.
- (2) Tiada seorang pun di bawah umur yang dinyatakan oleh Majlis Perbandaran Bentong boleh dibenarkan oleh pemegang lesen tempat hiburan untuk memasuki atau berada di tempat hiburan itu.
- (3) Seseorang pemegang lesen tempat hiburan hendaklah mempamerkan suatu notis yang mengandungi maklumat yang dinyatakan dalam subkaedah (2) di pintu masuk sesuatu tempat hiburan.
31. Jika kanak-kanak dibawah umur dua belas tahun dibenarkan untuk memasuki sesuatu tempat hiburan, maka pemegang lesen tempat hiburan itu hendaklah memastikan bahawa kanak-kanak itu disertai oleh seorang dewasa.
32. (1) Majlis Perbandaran Bentong boleh, pada bila-bila masa, membatalkan sesuatu lesen untuk membuka tempat hiburan atau sesuatu lesen hiburan atau kedua-duanya jika telah berlaku pelanggaran mana-mana daripada syarat-syarat atau sekatan-sekatan lesen atau telah berlaku pelanggaran, atau ketakpatuhan, mana-mana daripada peruntukan Enakmen atau Kaedah-Kaedah ini atau peruntukan mana-mana kaedah-kaedah lain yang dibuat di bawah Enakmen.
- (2) Sebelum keputusan dibuat untuk membatalkan sesuatu lesen, Majlis Perbandaran Bentong hendaklah memberikan kepada pemegang lesen suatu peluang untuk membuat representasi tentang kenapa lesennya tidak boleh dibatalkan.
- (3) Jika Majlis Perbandaran Bentong memutuskan untuk membatalkan sesuatu lesen, maka notis pembatalan itu hendaklah disampaikan kepada pemegang lesen sebagaimana diperuntukkan di bawah Enakmen.
- (4) Seseorang pemegang lesen yang telah disampaikan notis pembatalan sesuatu lesen untuk membuka tempat hiburan atau notis pembatalan sesuatu lesen hiburan hendaklah, sebaik sahaja menerima notis itu, menutup tempat hiburan itu dan menghentikan hiburan yang disediakan di dalamnya.
33. Mana-mana orang yang melanggar atau tidak mematuhi mana-mana syarat atau sekatan lesen untuk membuka tempat hiburan atau lesen hiburan atau kedua-duanya atau melanggar atau tidak mematuhi mana-mana peruntukan kaedah-kaedah ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan, dikenakan denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

34. Dengan syarat bahawa jika enakmen dikuatkuasakan dalam negeri Pahang, pemansuhan ini hendaklah berkuatkuasa di seluruh negeri Pahang. Dengan syarat selanjutnya bahawa jika enakmen dikuatkuasakan dalam sesuatu Kawasan Majlis Perbandaran Bentong, pemansuhan ini hendaklah berkuatkuasa hanya dalam Kawasan Majlis Perbandaran Bentong itu.

11. LANGKAH-LANGKAH PERMOHONAN (CARTA ALIR PERMOHONAN)



**12. SENARAI SEMAK KEPERLUAN MAKLUMAT YANG PERLU
DIKEMUKAKAN SEMASA PERMOHONAN (CHECKLIST)**

BIL	DOKUMEN	PEMOHON	PEGAWAI PENERIMA
		Tanda yang mana berkaitan sahaja (/)	
1.	<p>i. Memorandum dan Artikel Persatuan, dan Borang 49 (penyata yang memberikan butir-butir dalam Daftar Pengarah, Pengurus dan Perubahan Butiran) mengikut Akta Syarikat 1965.</p> <p>ii. Borang A (Pendaftaran Perniagaan) atau Borang B (Pendaftaran Pertukaran Perniagaan) dan Borang D (Akuan Pendaftaran Perniagaan) mengikut Akta Pendaftaran Perniagaan 1956.</p>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2.	1 Salinan pelan lantai dan lokasi premis.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3.	Surat persetujuan/pengesahan daripada pemunya tanah atau bangunan itu.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4.	2 salinan kad pengenalan.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5.	2 keping gambar premis (1 keping gambar yang diambil dari luar dan 1 keping gambar yang diambil dari dalam).	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6.	2 keping gambar pemohon.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
7.	2 salinan senarai mesin-mesin yang dipohon.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

13. SENARAI PEMBAYARAN FI YANG DIKENAKAN

JADUAL KEDUA FI BAGI LESEN UNTUK MEMBUKA TEMPAT HIBURAN (Subkaedah 9(1))

BIL	KETERANGAN	KADAR LESEN
1.	Oditorium/Dewan <ul style="list-style-type: none"> ● Tidak melebihi 200 kerusi ● Melebihi 200 kerusi tetapi tidak melebihi 400 kerusi ● Melebihi 400 kerusi tetapi tidak melebihi 600 kerusi ● Melebihi 600 kerusi tetapi tidak melebihi 800 kerusi ● Melebihi 800 kerusi tetapi tidak melebihi 1,000 kerusi ● Melebihi 1,000 kerusi tetapi tidak melebihi 1,200 kerusi ● Melebihi 1,200 kerusi ● Lesen sementara 	RM 400.00/setahun RM 800.00/setahun RM 1,000.00/setahun RM 1,400.00/setahun RM 1,600.00/setahun RM 1,800.00/setahun RM 2,000.00/setahun RM 10.00 / sehari
2.	Panggung Wayang/Panggung <ul style="list-style-type: none"> ● Tidak melebihi 200 kerusi ● Melebihi 200 kerusi tetapi tidak melebihi 400 kerusi ● Melebihi 400 kerusi tetapi tidak melebihi 600 kerusi ● Melebihi 600 kerusi tetapi tidak melebihi 800 kerusi ● Melebihi 800 kerusi tetapi tidak melebihi 1,000 kerusi ● Melebihi 1,000 kerusi tetapi tidak melebihi 1,200 kerusi ● Melebihi 1,200 kerusi ● Lesen sementara 	RM 400.00/setahun RM 900.00/setahun RM 1,100.00/setahun RM 1,550.00/setahun RM 1,800.00/setahun RM 2,000.00/setahun RM 2,200.00/setahun RM 20.00/sehari
3.	Pusat Hiburan (Dalam Bangunan) <ul style="list-style-type: none"> ● Luas lantai tidak melebihi 30 Meter persegi ● Luas lantai melebihi 30 Meter persegi tetapi tidak melebihi 60 Meter persegi ● Luas lantai melebihi 60 Meter persegi tetapi tidak melebihi 90 Meter persegi ● Luas lantai melebihi 90 Meter persegi 	RM 300.00/setahun RM 500.00/setahun RM 800.00/setahun RM 1,100.00/setahun

GARIS PANDUAN PERMOHONAN LESEN MEMBUKA TEMPAT HIBURAN DAN LESEN AKTIVITI HIBURAN
MAJLIS PERBANDARAN BENTONG

BIL	KETERANGAN	KADAR LESEN
4.	Pusat Hiburan/Taman Hiburan (Luar Bangunan) <ul style="list-style-type: none"> ● Gelanggang Boling ● Gelanggang Luncur ● Mesin Hiburan (Kiddy Rides/Juke Box/Karaoke) di tempat selain daripada Pusat Hiburan dan Taman Hiburan 	RM 1,100.00/setahun RM 1,000.00/setahun RM 20.00 (setiap mesin)
5.	Dewan Tarian/Disko/Kabaret/Kelab Malam <ul style="list-style-type: none"> ● Luas lantai tidak melebihi 30 Meter persegi ● Luas lantai melebihi 30 Meter persegi tetapi tidak melebihi 60 Meter persegi ● Luas lantai melebihi 60 Meter persegi tetapi tidak melebihi 90 Meter persegi ● Luas lantai melebihi 90 Meter persegi ● Kabaret melebihi 90 Meter persegi 	RM 400.00/setahun RM 600.00/setahun RM 900.00/setahun RM1,200.00/setahun RM 2,200.00/setahun
6.	Dewan Biliard/Snuker <ul style="list-style-type: none"> ● Tidak melebihi 5 meja ● Melebihi 5 meja tetapi tidak melebihi 10 meja ● Melebihi 10 meja tetapi tidak melebihi 20 meja ● Melebihi 20 meja tetapi tidak melebihi 30 meja ● Melebihi 30 meja tetapi tidak melebihi 40 meja ● Melebihi 40 meja tetapi tidak melebihi 50 meja ● Melebihi 50 meja 	RM 500.00/setahun RM 1,000.00/setahun RM 1,500.00/setahun RM 2,000.00/setahun RM 2,500.00/setahun RM 3,000.00/setahun RM50.00 bagi setiap meja tambahan
7.	Stadium <ul style="list-style-type: none"> ● Tidak melebihi 1,000 kerusi ● Melebihi 1,000 kerusi ● Lesen sementara 	RM 400.00/setahun RM 800.00/setahun RM 50.00/sehari

GARIS PANDUAN PERMOHONAN LESEN MEMBUKA TEMPAT HIBURAN DAN LESEN AKTIVITI HIBURAN
MAJLIS PERBANDARAN BENTONG

BIL	KETERANGAN	KADAR LESEN
8.	Ruang Legar/Dewan/Tempat Terbuka yang digunakan bagi pameran <ul style="list-style-type: none"> • Luas lantai tidak melebihi 100 meter persegi • Luas lantai melebihi 100 Meter persegi tetapi tidak melebihi 150 Meter persegi • Luas lantai melebihi 150 Meter persegi tetapi tidak melebihi 200 Meter persegi • Luas lantai melebihi 200 Meter persegi • Lesen sementara 	RM 100.00/setahun RM 200.00/setahun RM 300.00/setahun RM 500.00/setahun RM 10.00/sehari
9.	Sarkas	RM 15.00/sehari

**JADUAL KETIGA
FEE BAGI LESEN HIBURAN
(Subkaedah 9(2))**

BIL	KETERANGAN	KADAR LESEN
1.	Biliard/Snuker	RM 10.00 setiap meja sebulan
2.	Boling	RM 5.00 setiap lorong sebulan
3.	Pameran Filem Sinematograf <ul style="list-style-type: none"> • Dalam panggung/panggung wayang • Di tempat terbuka 	RM 5.00 setiap pertunjukan RM 5.00 sehari
4.	Sarkas <ul style="list-style-type: none"> • Pertunjukkan pertama • Pertunjukkan yang berikutnya 	RM 5.00 RM 2.50 setiap pertunjukan
5.	Hiburan dengan Mesin Hiburan <ul style="list-style-type: none"> • Kiddy rides • Mesin video • Mesin karaoke 	RM 2.00 setiap mesin sebulan RM 5.00 setiap mesin sebulan RM 8.00 setiap mesin sebulan
6.	Hiburan di Pub/Coffee House/Lounge/Disko/Dewan Tarian <ul style="list-style-type: none"> • Muzik dan nyanyian • Tarian 	RM 4.00 sehari sehingga pukul 12.00 tengah malam dan selepasnya caj tambahan sebanyak RM 10.00. RM 4.00 sehari sehingga pukul 12.00 tengah malam dan selepasnya caj tambahan sebanyak RM 10.00

BIL	KETERANGAN	KADAR LESEN
7.	Pameran	RM 5.00 setiap gerai/sehari
8.	Pertunjukkan Fesyen oleh Artis Profesional/Pertandingan Ratu Cantik	RM10.00 setiap artis/peserta/sehari
9.	Pesta ria	RM 2.00 Setiap gerai/sehari
10.	Hiburan Juke Box	RM10.00 Setiap mesin/sebulan
11.	Pertunjukkan patung	RM 5.00/sehari
12.	Apa-apa hiburan di luar kuil	RM 5.00/sehari
13.	Apa-apa hiburan lain	RM10.00/sehari

14. TEMPOH SAH LAKU LESEN

- a) Lesen Untuk Membuka Tempat Hiburan - 1 Tahun
- b) Lesen Hiburan - 3 Bulan

15. MAKLUMAN KEPUTUSAN PERMOHONAN (OUTPUT YANG DIKELUARKAN KEPADA PEMOHON)

OUTPUT	<ul style="list-style-type: none"> ● Temujanji pemeriksaan premis ● Keputusan permohonan ● Kelulusan permohonan ● Surat kelulusan
Kaedah penyampaian keputusan kepada pemohon	<ul style="list-style-type: none"> ● Melalui panggilan telefon ● Melalui serahan tangan

16. MAKLUMAT PEMBAHARUAN/PINDAAN/PEMBATALAN PEMOHON PERLU MEMBUAT PERMOHONAN BARU

- a) Sebarang pembaharuan lesen, pemohon perlu mengemukakan permohonan baharu bagi pembaharuan lesen hiburan.
- b) Sebarang pembatalan lesen, pemohon perlu mengemukakan surat pembatalan lesen sekiranya tidak lagi membuka tempat hiburan dan aktiviti lesen hiburan.
- c) Sebarang pindaan perlu memaklumkan kepada Majlis Perbandaran Bentong.